



METERAI: Kaslim (kiri) dan Asma menandatangani dokumen MoU, sambil disaksikan Juhar dan Rahman.

UMS-MEDIU meterai MoU dalam pelbagai bidang

UB 13.12.2023 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Pengajian Islam (FIS) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Al-Madinah International University (MEDIU) dalam satu majlis ringkas sempena Majlis Konvokesyen UMS kali ke-25.

MoU antara kedua-dua universiti ini memfokuskan tujuan bidang kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, penerbitan dan seminar antarabangsa, program mo-

biliti pelajar, pengajaran dan pembelajaran, perundingan dan lain-lain yang berkaitan dengan pengajaran.

Pada majlis itu, MEDIU diwakili oleh Timbalan Ketua Eksekutif Bahagian Penyelelitan dan Inovasi, Prof. Dr. Asma Abdul Rahman, manakala UMS diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Kaslim Hj. Mansor.

Majlis disaksikan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin yang juga Canselor UMS dan Pengurusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk Seri Panglima Abdul

Rahman Dahlan.

MEDIU merupakan sebuah universiti Islam yang dikendalikan sebagai sebuah badan bukan berdasarkan keuntungan madya (online).

Ia ditubuhkan dengan matlamat memberi kemudahan kepada sesiapa sahaja dari seluruh pelosok dunia yang ingin menimba ilmu pengetahuan.

Dalam pada itu, Majlis Konvokesyen UMS kali ke-25 kali ini meraikan seramai 4,236 graduan sepanjang empat hari bermula 11 hingga 14 Disember 2023.